



SIARAN MEDIA

MALAYSIA KOMITED LAKSANA PELAN HALA TUJU BEBAS JEREBU ASEAN MENJELANG 2030

Malaysia komited melaksanakan Pelan Hala Tuju Bebas Jerebu ASEAN 2023 - 2030 sebagai panduan utama dalam memperkukuh usaha serantau ke arah ASEAN bebas jerebu rentas sempadan menjelang 2030.

Agenda ini ditekankan dalam Mesyuarat Jawatankuasa ke-20 (COM-20) di bawah Persidangan Pihak-Pihak kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan (AATHP) yang dipengerusikan oleh Malaysia melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bersempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, hari ini.

Pelaksanaan Pelan Hala Tuju ini penting untuk memastikan tindakan negara anggota lebih terarah, terkoordinasi, dan menghasilkan impak yang nyata di lapangan, termasuk dalam aspek kesiapsiagaan menghadapi kebakaran hutan dan tanah gambut, serta pengurusan lestari sumber alam.

Menerusi pencegahan menyeluruh, komitmen semua negara ASEAN akan memperketatkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan pembakaran terbuka, pemantauan berterusan di kawasan berisiko kebakaran hutan dan tanah gambut, pelaksanaan amalan guna tanah mampan di peringkat tempatan dan serantau.

Manakala, sistem amalan awal ditambah baik dengan penggunaan teknologi satelit untuk pemantauan titik panas (hotspots), pemodelan dan ramalan cuaca untuk mengenal pasti risiko awal, Perkongsian data secara masa nyata antara negara anggota.

Selain itu, koordinasi serantau diperkukuh dengan penganjuran mesyuarat teknikal dan latihan bersama secara berkala dan penyelarasan dasar serta strategi rentas sempadan secara lebih rapat. Ia juga diperkukuh dengan, sokongan kepada amalan guna tanah mampan dan bebas jerebu.

ASEAN juga menyatakan sokongan dan kerjasama antarabangsa dengan mendapatkan kepakaran teknikal dan teknologi moden, termasuk satelit beresolusi tinggi serta perkongsian pengalaman terbaik (best practices) dalam pencegahan jerebu.

Mesyuarat juga membincangkan Bajet Kawalan Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan ASEAN, meliputi status sumbangan dan penggunaannya, di samping kemajuan serantau dalam pelaksanaan AATHP. Kemas kini turut dibincangkan mengenai Pelan Hala Tuju ASEAN Bebas Jerebu Kedua, penubuhan Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Kawalan Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan, Strategi Pengurusan Tanah Gambut ASEAN Kedua, serta Rangka Kerja Pelaburan ASEAN untuk Pengurusan Tanah Mampan Bebas Jerebu. Selain itu, mesyuarat juga mengambil maklum mengenai kemajuan kerjasama dengan rakan antarabangsa dan projek-projek lain yang sedang berjalan.

Mesyuarat ini menjadi platform penting untuk membuat persediaan menjelang Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN ke-18 (AMME-18) di mana pegawai kanan dari seluruh ASEAN membincangkan dokumen hasil utama untuk pertimbangan dan kelulusan AMME 18 kelak.

Perbincangan berfokuskan kepada beberapa perkara substantif, termasuk draf Kenyataan Bersama ASEAN mengenai Perubahan Iklim ke Sesi ke-30 Persidangan Pihak-Pihak (COP30) di bawah Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC). Mesyuarat turut menilai pencalonan Taman Warisan ASEAN yang baharu serta meneliti sorotan Laporan Lembaga Pengelola Pusat Kepelbagaian Biologi ASEAN.

Mesyuarat-mesyuarat ini telah memberi peluang kepada Negara-Negara Anggota ASEAN untuk menegaskan kembali komitmen bersama dalam memperkukuh kerjasama serantau bagi perlindungan alam sekitar, perubahan iklim dan pencemaran jerebu merentasi sempadan. Hasil perbincangan ini akan menyumbang kepada pengukuhan usaha kolektif ASEAN ke arah rantau yang mampan, berdaya tahan dan bebas jerebu.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
2 SEPTEMBER 2025**



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nresmalaysia